

Berhenti Kerja, Tanam Sayur

Oleh: Nurulaini Abdul Karim, 1180283

RANTAU PANJANG: Seorang pengusaha tanaman sanggup mengambil keputusan untuk berhenti daripada kerja lamanya sebagai tukang rumah demi menceburkan diri dalam bidang pertanian di sini.

Khairu Azrin Che Ha, 31, berkata, dia tidak pernah menyesal menceburkan diri dalam bidang pertanian kerana hasil daripada tanaman yang diusahakan mampu menjana pendapatan sehingga mencecah ribuan ringgit sebulan.



Khairu Azrin meninjau keadaan tanaman cilinya di Kampung Rantau Panjang.

Beliau berkata, setakat ini dia telah mengusahakan beberapa jenis sayur-sayuran seperti timun batang, terung dan cili besar (lada solok) di atas tanah yang berkeluasan satu ekar yang mana setiap tanaman yang diusahakan akan mengambil masa selama dua bulan untuk mendapatkan hasil.

“Saya berharap agar dapat meluaskan lagi penanaman sayur-sayuran saya daripada satu ekar kepada dua atau tiga ekar pada tahun-tahun akan datang,” katanya dalam temu ramah di sini.

Menurutnya, dia juga pernah menyertai program berkaitan dengan bidang pertanian bersama kawan-kawannya demi menambahkan lagi ilmu tentang selok-belok pertanian walaupun dia terpaksa mengeluarkan bayaran kerana program tersebut dianjurkan oleh pihak swasta.

“Saya juga telah beberapa kali memohon bantuan daripada Jabatan Pertanian setiap kali permohonan itu dibuka walaupun permohonan sebelum ini pun masih lagi belum diluluskan,” beritahunya.

Tambahnya, sayur-sayuran yang telah matang akan dipetik dan dibungkus oleh pekerja-pekerjanya dan akan dihantar kepada pemborong oleh anak saudaranya sendiri, Muhamad Safiq Mohd Noor, 19, ke Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).



Safiq

Safiq berkata, dia sendiri akan mengambil bekalan sayur-sayuran tersebut daripada Khairu dan pengusaha-pengusaha lain dan akan menghantar sayur-sayuran tersebut ke RTC setiap tiga kali seminggu yang ditemani oleh ibunya sendiri sekitar pukul dua pagi setiap kali penghantaran.

Beritahunya, harga sayur-sayuran yang dihantarnya kepada pemborong sentiasa berubah-ubah mengikut pasaran semasa dan berbeza mengikut jenis dan tahap kualiti sayur-sayuran tersebut.

“Walaupun sekarang kita dilanda Covid-19, tetapi permintaan terhadap sayur-sayuran daripada pemborong sentiasa meningkat dan sentiasa tidak mencukupi yang menyebabkan harga sayur-sayuran turut menjadi tinggi dan tidak tetap,” ujarinya lagi.